

Headline	PDRM disaran sertai Majlis Umrah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	6	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	307 cm ²
Journalist	ROBIATULADAWIYAH ABD RASHAD	AdValue	RM 4,669
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,007



PDRM disaran sertai Majlis Umrah

■ ROBIATULADAWIYAH ABD RASHAD

SEPANG - Penubuhan majlis kawal selia umrah seperti yang dicadangkan sebelum ini perlu dianggotai Jabatan Siasatan Jenayah PDRM.

Pengerusi Biro Kebajikan Umno, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, penyelia bagi majlis itu adalah Kementerian Pelancongan dan turut disertai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Tabung Haji, Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) dan beberapa agensi lagi.

"Kalau boleh (disertai PDRM) kerana ini adalah jenayah perdagangan, kita minta wakil PDRM juga dalam jawatankuasa itu," katanya ketika ditemui semasa menyambut ketibaan 121 jemaah umrah yang terkandas di Madinah sejak 2 Jun lalu.

Pada 21 Mei lalu seramai 268 orang jemaah mengikuti satu pakej umrah terkandas di Madinah apabila agensi yang menawarkan pakej tersebut didakwa tidak menyediakan tiket pulang.

Bagaimanapun seramai 147 jemaah telah pulang pada 4 dan 6 Jun lalu menggunakan wang sendiri.

Sementara 121 jemaah lagi te-

lah dibawa pulang oleh Umno semalam setelah pihak Biro Kebajikan Umno gagal mendapatkan wakil agensi terbabit.

Menurut Abdul Azeez yang juga Pengerusi Tabung Haji, pihaknya juga telah diarahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membantu kesemua jemaah itu.

"Sejak lima hari lalu, saya telah menghubungi pengarah urusan syarikat berkenaan yang berpangkalan di Taiping, Perak, namun gagal.

"Tanpa melengahkan masa, pihak Umno memohon bantuan daripada wakil kedutaan di sana dan Flynas untuk membawa pulang kesemua jemaah," katanya.

Turut sama menyambut kepulangan jemaah itu, Timbalan Pengerusi Biro Kebajikan Umno, Datuk Shamsul Anuar Nasarah.

Kos sebanyak RM211,750 bagi membawa pulang kesemua jemaah adalah ditanggung Umno dan bukannya Tabung Haji walaupun Abdul Azeez adalah pengerusi badan itu.

Ditanya apakah tindakan yang wajar dikenakan pada agensi umrah yang tidak bertanggungjawab se-

perti itu katanya, pihak Tabung Haji tidak ada kuasa menyenaraihitamkan mana-mana agensi kerana ia di bawah bidang kuasa Kementerian

Pelancongan.

Sehubungan itu pihaknya bercadang agar majlis kawal selia umrah itu nanti membincangkan dengan teliti garis panduan pakej umrah supaya tidak berlaku lagi penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Beliau turut menasihatkan orang ramai menggunakan khidmat agensi berdaftar dan tidak mudah terpedaya dengan tawaran harga murah.

"Saya bimbang kerana menjelang bulan Ramadan akan lebih ramai orang mengejar umrah.

"Jadi jangan mudah percaya. Gunakan khidmat agensi yang berdaftar dengan Tabung Haji atau agensi berdaftar yang lain. Saya telah buat kajian bahawa tawaran paling murah adalah RM4500 dan Tabung Haji Travel boleh menawarkan pakej dengan harga RM4990, jika kurang daripada itu saya bimbang akan ada penipuan," katanya.

Katanya lagi, pihaknya akan membuat laporan penuh ke Parlimen bagi membincangkan perkara itu dengan lebih terperinci.



FOTO: AFIQ RAZALI

Azeez tenangkan Johari Cheek, 69, diantara 121 rakyat Malaysia yang terkandas ketika menunaikan umrah akibat ditipu oleh sebuah syarikat pengurusan umrah swasta berpangkalan di Perak.